

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

3. Pembangunan Projek Gurney Wharf di STP 2.
- (a) Mohon dijelaskan projek ini secara terperinci.
 - (b) Bilakah projek ini dimulakan dan jabatan/agensi manakah yang bertanggungjawab dalam melaksanakannya?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. (a) Kerajaan Negeri sangat perihatin untuk penyediaan kawasan hijau / lapang untuk tujuan rekreasi dan riadah untuk dinikmati oleh penduduk-penduduk Pulau Pinang. Oleh itu, kawasan tambak berhampiran Bulatan Gurney Drive, Seri Tanjung Pinang 2 (STP 2) telah dikenalpasti bagi tujuan Pembangunan Projek Gurney Wharf. Projek ini dijangka menjadi tempat ikonik kawasan awam di dalam bandar berhadapan laut.

Komponen bagi Projek Gurney Wharf yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

- (i) Kerja-kerja landskap dan pengindahan taman rekreasi;
- (ii) Penyediaan kawasan *promenade* untuk pejalan kaki;
- (iii) Penyediaan kawasan permainan *skate park*;

- (iv) Penyediaan kiosk, tandas awam, kedai serbaneka dan *viewing deck*;
 - (v) Penyediaan kawasan permainan kanak-kanak;
 - (vi) Penyediaan sistem perparitan dan saliran;
 - (vii) Penyediaan *wetlands*;
 - (viii) Penyediaan *footpath on grade*;
 - (ix) Penyediaan tempat letak kereta terbuka;
 - (x) Penyediaan tangga dan laluan ramp OKU;
 - (xi) Penyediaan *turfing* sementara di Gurney Paired Road;
 - (xii) Tandas awam;
 - (xiii) Pembinaan *hawker center* dan kemudahan *food & beverage area*;
 - (xiv) Penyediaan *retail area*; dan
 - (xv) Kemudahan teksi air.
- (b) Perancangan Projek Gurney Wharf telah dimulakan sejak tahun 2018 dengan Sesi *Stakeholders Engagement* dan telah mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk Pulau Pinang. Pentadbiran Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Pembangunan Projek Gurney Wharf ini.

Bagi pelaksanaan projek ini, Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd. (TPD) telah dilantik sebagai *Project Management Office* (PMO) memandangkan TPD sedang menguruskan kerja-kerja penambakan laut Seri Tanjung Pinang Fasa 2 (STP 2) yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Selain itu, TPD mempunyai kepakaran tenaga mahir, berpengalaman luas dan mempunyai kepakaran teknikal yang lengkap serta dapat memberi khidmat nasihat bagi pembangunan dan pelaksanaan projek di kawasan tersebut.

Tender bagi pelantikan kontraktor projek ini dijangka dimulakan pada suku keempat tahun 2020. Tempoh masa yang diperlukan bagi keseluruhan projek untuk siap adalah antara 18 hingga 24 bulan iaitu pada tahun 2022, iaitu selepas pelantikan kontraktor projek.